

## rencana

AS302 - 16/01/2013

### MADA bantu pesawah selesaikan masalah tanah jerlus

 Oleh TERREZI CHE ANUAR  
 @engang@utusan.com.my

MASALAH tanah jerlus mungkin begitu asing kepada kebanyakan rakyat memandangkan kes itu jarang-jarang berlaku di negara ini.

Namun, masalah tersebut berlaku di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) yang telah menjejaskan kira-kira 8,000 hektar tanah sawah.

Akibatnya, sebahagian sawah tersebut seluas 3,904 hektar terpaksa ditinggalkan kerana aktiviti penanaman padi tidak dapat dijalankan disebabkan mesin pembajak dan mesin jentuai tidak dapat memasuki kawasan berkenaan.

Malah, pesawah-pesawah terpaksa menanggung kerugian walaupun mereka amat berkehendakan menanam padi.

Menurut Pengurus Besar MADA, Datuk Abdul Rahim Saleh yang ditemui baru-baru ini, pihaknya menghadapi masalah tanah jerlus buat pertama kali pada tahun 1999 di Kampung Kubang Nipah, Kedah yang melibatkan keluasan 136 hektar sawah padi.

Bagaimanapun katanya, masalah itu telah dapat dipulihkan dengan menjalankan kerja pembinaan parit jari, struktur kecil saluran dan rangkaian jalan ladang dengan kos pemulihan sebanyak RM0.30juta.

Dalam kejadian tanah jerlus yang melibatkan 860 hektar tanah sawah pada awal tahun 2012, Abdul Rahim menjelaskan bahawa MADA telah mengambil tindakan awal pada Februari hingga April 2012 dengan menggunakan Peruntukan Belanja Mengurus MADA sebanyak RM996,000.

Namun jelasnya, tindakan awalan itu hanya tertumpu di lokasi setempat dan telah menghadkan keberkesanan untuk memulihkan tanah jerlus secara menyeluruh.

"Antara aktiviti pemulihan yang dijalankan termasuklah pembinaan parit jari tanah, pembersihan dan memperdalamkan parit jari sedia ada, membina dan memulihkan struktur saluran serta membekalkan pam bergerak untuk saluran. Tindakan awal ini telah berjaya memulihkan seluas 367 hektar tanah jerlus," ujarnya.

Katanya lagi, program itu amat penting bagi memastikan pengeluaran padi sebanyak 81,070 tan setahun bernilai lebih RM103.2 juta yang dapat memberi manfaat kepada petani.

Sementara itu beliau memberitahu, pada awal tahun 2012, keluasan tanah jerlus di kawasan Muda itu adalah 6,230 hektar merangkumi kawasan sawah seluas 860 hektar yang menghadapi masalah tanah jerlus dan seluas 5,370 hektar berisiko mengalami masalah yang sama.

"Semasa penanaman padi Musim 2/2012 pada Januari 2013, pihak MADA mendapati keluasan kawasan tanah jerlus telah meningkat sebanyak 30.1 peratus iaitu daripada 6,230 hektar kepada 8,107 hektar.

"Jumlah itu merangkumi kawasan sawah seluas 2,833 hektar yang menghadapi masalah tanah jerlus dan seluas 5,274 hektar berisiko mengalami masalah tanah jerlus," katanya.

Abdul Rahim juga menjelaskan, masalah tanah jerlus adalah disebabkan beberapa faktor antaranya perubahan iklim menjadikan cuaca tidak menentu menyebabkan turunan hujan yang lebat dalam musim kering pada Februari dan Mac 2011 (423mm) dan tahun 2012 (394mm) melebihi purata 20 tahun (219mm) telah mengakibatkan sawah sentiasa bertakung air.

Pengubahsuaian kapasiti muatan jentuai serta penggunaan jentera pertanian tidak bersesuaian juga menjadi faktor masalah tersebut.

Malah katanya lagi, permohonan pelaksanaan Program Pemulihan Tanah Jerlus di Kawasan Muda dengan kos RM64.7 juta telah diajukan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan pada dasarnya kerajaan telah bersetuju dengan program yang bakal dilaksanakan itu.

Dalam perkembangan lain, kata Abdul Rahim, MADA telah berjaya mencatatkan purata hasil padi tertinggi iaitu 6.25 tan sehektar bagi musim 1/2012.

"Ini adalah purata tertinggi dalam sejarah sejak MADA memulakan operasi pada 1970. Purata kasar pengeluaran hasil padi di kawasan Muda berdasarkan banciaan peringkat ladang pada musim 1/2011 adalah 6.04 tan sehektar.

"Peningkatan ini disebabkan pengurusan bekalan air dan input pertanian yang cekap selain keadaan cuaca yang baik serta bersesuaian," jelasnya.

Tambah beliau lagi, MADA akan terus berusaha lebih keras meningkatkan pengeluaran hasil padi seterusnya meningkatkan hasil pendapatan golongan petani.

Kongsi Kontak di :



Subuh 6:02  
Zohor 1:23  
Asar 4:45  
Maghrib 7:20  
Isyak 8:34

Klik waktu waktu solat kawasan lain

SEMBANG ONLINE BERSAMA DATUK ROSYAM NGR  
 Selasa 21 Oktober 2014 2 petang

Denger Suria FM  
 Radio Suria FM Mencari Dunia Baru

Ruh Riiz Brazil 2014  
 Laman web mikro bola sepak Piala Dunia 2014

Tragedi Pesawat MH370  
 Utusan Live lagi kehilangan pesawat MH370

KE7B Greenland 2014  
 Laporan Glapad KE7B Greenland Malaysia 2014

IKLAN@UTUSAN

Agoda's Best Hotel Offers  
[agoda.com/Hotel\\_Discounts](http://agoda.com/Hotel_Discounts)  
 Save up to 75% Instant confirmation Get prices!

Perseidangan Tahun Berhala 2014  
 Kom Kamaja Tutor Ceriakan Cuti Sekolah Anda

Recent Activity

Log in to Facebook to see what your friends are doing.

Abdullah Husain meninggal 78 people recommend this.

Be the first of your friends to recommend this.

<http://www.utusan.com.my/utusan/Jenayah/mimpi-arwah-sunah-cuti-budak-ini-gila-ingin-datu-pembunuh--Sapa>  
 Be the first of your friends to recommend this.

Facebook social plugin

IKLAN@UTUSAN

Gmail for Work  
 Lock more professional with custom email from Google Apps.

[Start free trial!](#)

Wayer Sukan

## Agoda's Best Hotel Offers

[agoda.com/Hotel\\_Discounts](http://agoda.com/Hotel_Discounts)

Save up to 75% Instant confirmation Get prices!



## utara

ARTIS - 13/09/2013

### MADA pulihkan tanah sawah jerlus

Oleh MOHD. SHARIZA ABDULLAH  
UtusanKedah@Utusan.com.my

ALOR SETAR 12 Sept. - Seluas 3,018 hektar tanah sawah jerlus di Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dapat dipulihkan dengan penambahbaikan sistem saliran di kawasan berkenaan sejak tahun lalu.

Pengerusi MADA, Datuk Othman Aziz berkata, pemulihan tanah jerlus berkenaan merupakan program jangka panjang yang diluluskan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melibatkan kawasan sawah seluas 8,107 hektar.

"Buat masa ini sebahagian kerja pemulihan yang menelan kos sebanyak RM3.77 juta hampir siap dilaksanakan," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat Jawatankuasa Bekalan Air dan Penanaman Padi peringkat MADA di sini hari ini.

Othman berkata, tindakan jangka pendek pemulihan tanah jerlus di dalam MADA dimulakan pada tahun lalu bagi kawasan sawah seluas 854.7 hektar dengan kos RM996,000 dan tindakan berkenaan dapat memulihkan 567.3 hektar kawasan sawah yang terjejas.

Menurut beliau, secara keseluruhan program jangka panjang pemulihan berkenaan melibatkan anggaran kos sebanyak RM64.68 juta.

Katanya, program itu merangkumi pembatalan dua musim penanaman padi iaitu Musim 2/2013 dan Musim 1/2014 serta pemberian bantuan wang ihsan melibatkan 3,877 peladang dengan keluasan kawasan 6,791 hektar.

"Selain itu, pembinaan dan pembaikan infrastruktur dan sistem saliran membolehkan skop kerja pembinaan atau pemulihan infrastruktur saliran, pembuangan enapan di parit-parit utama, meninggikan ban saluran air, pembinaan stesen pam saliran termasuk pengambilan balik tanah.

"Program itu juga merangkumi penyediaan tanah sawah selepas pemulihan tanah jerlus termasuk melaksanakan kerja-kerja meracun dan putaran tanah," ujarinya.

Dalam pada itu Othman berkata, keluasan serangan haiwan perosak, penyakit utama padi dan rumpai mencatatkan penurunan pada Musim 1/2013 berbanding musim sama tahun lalu.

Katanya, sehingga pertengahan bulan lepas, jumlah kawasan serangan haiwan perosak siput gondang emas menurun daripada 3,974 hektar kepada 445 hektar dan serangan tikus daripada 3,808 hektar kepada 1,187 hektar.

"Serangan penyakit karah padi juga menurun daripada 412 hektar kepada 18 hektar manakala keluasan kerosakan akibat padi angin pula dapat dikurangkan daripada 3,948 hektar kepada 1,003 hektar.

"Kita sedang menjalankan penyelidikan terperinci mengenai punca penurunan berkenaan termasuk mungkin disebabkan penggunaan benih padi baharu kerana masalah dalam industri padi sentiasa berubah," katanya.

Kongsi Kontak di :



Waktu Solat Kuala Lumpur

Subuh 6:02  
Zohor 1:23  
Akar 4:45  
Maghrib 7:20  
Isyak 8:34

[Klik untuk waktu solat kawasan lain](#)

SEMBANG ONLINE BERSAMA  
DATUK ROSYAM NOR  
Selasa 21 Oktober 2014 2 pingat

Visual Analytics  
See your data for all it's worth.

Try the demo

**sas**  
THE POWER TO KNOW.

- Dengar SuriaFM  
Radio SuriaFM Mencirikan Duniamu
- Ruhu Rio Brazil 2014  
Laman web mikro bola sepak Piala Dunia 2014
- Tragedi Pesawat MH370  
Utusan Live lapor kehilangan pesawat MH370
- KE7B Greenland 2014  
Laporan Skopagedi KE7B Greenland Malaysia 2014

IKLANJUT USAN

SYDNEY BUSINESS SCHOOL  
UNIVERSITY OF WOLLONGONG

FIND OUT MORE

**INTI** International University & Colleges

Perandingan  
**Jarun Berlian** 2014

**Kom Ramaja Tubor**

Ceritakan Cuti Sekolah Anda

Recent Activity

Log in to Facebook to see what your friends are doing.



## Dua musim tanam padi dalam kawasan MADA dibatal kerana tanah jerlus

### Kategori:

Berita Nasional

**PENDANG:** Dua musim penanaman padi dalam kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dibatalkan bagi membolehkan kerja pemulihan tanah jerlus dijalankan di kawasan sawah seluas 6,962 hektar.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata pembatalan dua musim itu melibatkan 29 blok pengairan di 12 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dalam Parlimen Kota Setar, Pokok Sena, Pendang, Kubang Pasu, Jerai serta Arau dan Kangar di Perlis.

"Projek berkenaan akan mula dilaksanakan Mac ini dan dijangka berakhir Februari 2015. Petani terlibat ialah seramai 3,877 orang," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan wang ihsan kepada petani yang terjejas akibat kemarau di Kampung Bendang Raja, Kubur Panjang dekat sini semalam.

Beliau berkata, pembatalan musim itu akan membolehkan kerja-kerja pembinaan dan pembaikan sistem saliran dilaksanakan selain merehatkan kawasan bermasalah bagi mengembalikan semula kekuatan struktur tanah.

"Tanah di kawasan tanah jerlus terlalu lembut, tak boleh dimajukan. Air perlu dikeluarkan dan tambah tanah supaya tanah itu boleh digunakan," katanya.


Ismail Sabri berkata, kerajaan telah meluluskan wang ihsan berjumlah RM36.8 juta untuk diagihkan kepada setiap petani terbabit yang akan menerima RM2,645.50 bagi setiap hektar sawah yang dibatalkan musim penanaman.

Pihak Mada telah mengenal pasti sawah seluas 8,107 hektar menghadapi masalah tanah jerlus dalam kawasannya sejak 2012 dan telah berjaya memulihkan 1,145 hektar sawah yang terjejas dengan kos RM4.77 juta.

Difahamkan dengan pembatalan itu, Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP), Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) dan Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) akan dihentikan kepada petani di kawasan terlibat selama dua musim.

Dengan pelaksanaan projek pemulihan tanah jerlus itu, masalah dihadapi petani akan dapat diatasi dan dapat mengelak kehilangan pendapatan yang dianggarkan bernilai RM105.2 juta setahun. — Bernama

Google™ Custom Search







TERKINI

- 11:10pm Masjid Mukim Kuala Nal lokasi baru #KitakanIslam
- 11:08pm Lima lagi mayat mangsa QZ8501 dikenal pasti
- 10:53pm Bukit Besi akan dijadikan bandar bersejarah
- 10:46pm Kerjasama perkasa pelancongan di Balik Pulau
- 10:41pm STL cangkil bakat baharu

5 PALING HANGAT

- 1 10 tahun hidup tanpa pakaian
- 2 Gadis Itali si penebar roti canai
- 3 Kucing selamatkan bayi 3 bulan
- 4 Juara Pencetus Ummah terkilan...
- 5 Diseret, maut tersepit dirempuh lori



TERKINI @ MEDIA HIBURAN

- Nurul Wahab Timang Anak Lelaki Kedua
- Alwah Senzai Lanzas Kereta Suami

Mada mohon RM64 juta baik pulih sawah jerlus

19 Mac 2013



Free Video Streaming

u.com.my/Free-Streaming-UMobile

On YouTube and Tonton. Only with U Mobile!



VIRAL MINGGU INI

Gadis Itali si penebar roti canai

'Wanita misteri' pertahan gadis K-Pop

Kisah lelaki buta berjubah putih tarik perhatian

Larikan TV di siang hari

5 PILIHAN EDITOR



JKKKP diberi peranan urus daftar pemilih



Tiga konsep utama dipilih #KitakanIslam



Epal Gala, Granny Smith dipercayai tercemar

ALOR SETAR - Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) telah memohon sebanyak RM64 juta kepada kerajaan pusat bagi membaik pulih 8,107 hektar sawah jerlus dalam kawasan lembaga itu di Kedah dan Perlis.

Pengerusi Mada, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, dari jumlah itu, RM35.9 juta sebagai wang ehsan, RM26.7 juta bagi membaiki infrastruktur dan sistem saliran manakala RM1.9 juta lagi untuk pemulihan tanah selepas dibaik pulih.

Katanya, 3,870 petani terbabit tidak dapat mengusahakan sawah untuk dua musim bermula musim II/2013 September tahun ini dan musim pertama 2014 bermula Januari, akan dibayar wang ihsan.

"Jumlah sawah terbabit ini hanya mengurangkan pengeluaran beras kawasan Mada tidak sampai lapan peratus dan tidak merisaukan," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Mada di ibu pejabatnya di sini, hari ini.


Mahdzir yang juga Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Pedu berkata tanah jerlus tersebut ialah dalam Wilayah III Mada (Pendang) seluas 3,975 hektar, Wilayah II (Kubang Pasu) seluas 2,573 hektar dan bakinya di Perlis.

Sementara itu beliau meminta petani mematuhi Jadual Penanaman Padi Musim I/2013 bermula bulan depan supaya musim penuaian tidak terjejas dan musim 2/2013 yang bermula pada September berjalan lancar.

Katanya, penanaman padi memabatkan sawah melebihi 100,000 hektar dibuat dalam tiga fasa bermula dengan pelepasan air fasa pertama ke 37,000 hektar sawah pada 11 April.

Tarikh akhir menabur benih (penanaman) ialah 9 Mei manakala fasa kedua meliputi 38,000 hektar mulai 25 April dan tarikh akhir penanaman 23 Mei manakala fasa ketiga (26,000 hektar) bermula 9 Mei dan tarikh penanaman 6 Jun, tambahnya.

Mahdzir berkata jadual itu dibuat bagi mengelak ketidakcukupan jentera pembajak dan menuai padi apabila masak dalam masa serentak. - Bernama



TERKINI

- 11:23pm FIC 2015: Internacional sekat hajat FUI
- 11:16pm 30 anggota bomba sertai misi bantuan
- 11:06pm Sepatutnya tak wujud kerajaan BN, PR kata Pas
- 10:39pm Wakil rakyat Kelantan terus bantu rakyat
- 10:17pm Teori konspirasi tidak lemahkan usaha cari MH370

5 PALING HANGAT

- 1 Indonesia bom kapal nelayan Malaysia
- 2 Gempar lihat awan berbentuk aneh
- 3 Malaysia bakal ditimpa bala Tuhan?
- 4 Rumah suami Umie Aida dilelong RM2.1 juta
- 5 Mayat terlalu lama dalam air

Mada henti aktiviti pertanian di tanah jerlus

14 Oktober 2012



Poetry Publishing in Asia

chooseyourpublisher.com

Get Access with the Right Poetry Publishers. Free Publishing Guides!



www.chooseyourpublisher.com

VIRAL MINGGU INI

Tolak kereta api untuk selamatkan mangsa tersepit

Video 'JPJ kena buli' tarik perhatian

Perompak dipukul dengan batang besi, diikat

Detik terakhir unit pemusnah bom terakam

5 PILIHAN EDITOR



Malaysia pandang serius ancaman keganasan



Ramai anak muda kita masih ketinggalan



ALOR SETAR - Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) tidak akan menjalankan aktiviti pertanian di kawasan tanah jerlus seluas 6,230 hektar untuk tempoh setahun tahun depan, kata Pengerusinya Datuk Seri Mahdzir Khalid.

Beliau berkata kawasan tersebut meliputi 860 hektar tanah sawah di Pendang dan Kubang Pasu manakala 5,370 hektar lagi di seluruh kawasan Mada di Kedah dan Perlis.

Beliau berkata seramai 2,831 petani tidak dapat melakukan kerja penanaman padi dalam tempoh itu apabila tanah mereka akan dikeringkan dan dibiarkan selama setahun dan hanya dapat menjalankan aktiviti pertanian pada tahun 2014.

Beliau berkata jika tidak ditangani dengan segera, ia akan menyebabkan hasil padi berkurangan sebanyak 30,000 tan semusim dan ini memberi impak kepada pengeluaran beras negara.

"Proses ini melibatkan persetujuan daripada pemilik tanah terlebih dahulu dan kita akan beri pampasan kepada petani terlibat dan bentuk pampasan akan diumumkan selepas ini," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Mada di Mada Ampang Jajar di sini hari ini.

Mahdzir berkata dalam tempoh setahun itu pihak Mada akan memantau agar tidak berlaku sebarang aktiviti tanaman atas tanah tersebut.

Beliau berkata selain itu Mada turut meminta peruntukan daripada kerajaan persekutuan sebanyak RM20 juta bagi menyelesaikan masalah perparitan di kawasan Mada.

Katanya jika sistem perparitan tersebut selesai, masalah tanah jerlus dapat ditangani dalam tempoh terdekat sekaligus dapat menyelamatkan kawasan lain daripada berlakunya tanah jerlus. - Bernama



BERNAMA

JUGA DARI

Bernama

Kes fitnah Rais, penulis blog dipenjara 3 bulan

Mangsa banjir di tiga negeri berkurangan

Hanya telefon bimbit asas dicadangkan di sekolah

95% pengguna terima elektrik di Kelantan

Mangsa banjir Perak, Johor menurun

Hasil padi Kedah, Perlis dijangka menurun

4:51PM - 19 Mar 2013

## Mada mohon RM64 juta baik pulih sawah jerlus

Share Tweet Email



Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) telah memohon sebanyak RM64 juta kepada kerajaan pusat bagi membaik pulih 8,107 hektar sawah jerlus dalam kawasan lembaga itu di Kedah dan Perlis.

Pengerusi Mada, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata dari jumlah itu, RM35.9 juta sebagai wang ehsan, RM26.7 juta bagi membaiki infrastruktur dan sistem saliran manakala RM1.9 juta lagi untuk pemulihan tanah selepas dibaik pulih.

Katanya 3,870 petani terbabit tidak dapat mengusahakan sawah untuk dua musim bermula musim II/2013 September tahun ini dan musim pertama 2014 bermula Januari, akan dibayar wang ehsan.

"Jumlah sawah terbabit ini hanya mengurangkan pengeluaran beras kawasan Mada tidak sampai lapan peratus dan tidak merisaukan," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Mada di ibu pejabatnya di Alor Setar, hari ini.

Mahdzir yang juga Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Pedu berkata tanah jerlus tersebut ialah dalam Wilayah III Mada (Pendang) seluas 3,975 hektar, Wilayah II (Kubang Pasu) seluas 2,573 hektar dan bakinya di Perlis.

Sementara itu beliau meminta petani mematuhi Jadual Penanaman Padi Musim I/2013 bermula bulan depan supaya musim penuaian tidak terjejas dan musim 2/2013 yang bermula pada September berjalan lancar.

Katanya penanaman padi membabitkan sawah melebihi 100,000 hektar dibuat dalam tiga fasa bermula dengan pelepasan air fasa pertama ke 37,000 hektar sawah pada 11 April.

Tarikh akhir menabur benih (penanaman) ialah 9 Mei manakala fasa kedua meliputi 38,000 hektar mulai 25 April dan tarikh akhir penanaman 23 Mei manakala fasa ketiga (26,000 hektar) bermula 9 Mei dan tarikh penanaman 6 Jun, tambahnya.

Mahdzir berkata jadual itu dibuat bagi mengelak ketidakcukupan jentera pembajak dan menuai padi apabila masak dalam masa serentak.

-Bernama

**FOUR POINTS**  
BY SHERATON  
Puchong

Four Points by Sheraton Puchong, Malaysia

Get an exclusive opening offer when you stay at the brand new Four Points Puchong, from just MYR220+ per night, including breakfast and WiFi.

**BOOK NOW**

Terms and conditions apply.



**Environment** [Home > News > Environment](#)

Published: Monday December 9, 2013 MYT 12:00:00 AM  
Updated: Monday December 9, 2013 MYT 7:01:20 AM

# Saving our rice bowl

BY TAN CHENG LI

[FACEBOOK](#)
[TWITTER](#)
[GOOGLE+](#)
[LINKEDIN](#)
[PRINT](#)
[EMAIL](#)



Saving the fields: By closing his fields for one season to allow the earth to dry up, Baharom Kasim could plant padi again. Before that, the problem of soft soil caused by wet weather had made farming almost impossible in parts of the Muda agricultural scheme in Kedah. – SAM THAM/The Star



A climate that is wet when it should have been dry is taking a toll on rice farmers in the country's largest granary.

STEPPING into his rice field, Baharom Kasim sank in up to his knees. A year and a half ago, the soft earth would have reached up to his waist. His harvesting machine would have been partially submerged in the quicksand-like soil, which swallowed whatever entered the field.

**BRITISH COUNCIL**

- General English
- IELTS Preparation
- English for Academic

[Explore](#)

ADVERTISEMENT

**Most Viewed**

- [Our blood cockles are dying. Can we stop the killing?](#)
- [Catalysing green growth: 4 keys to a sustainable future](#)
- [Keeping Sumatran rhinos safe](#)
- [Saving rhinos: Our fatal blunders](#)
- [Malaysia's seahorses finally get the right kind of love](#)
- [One dad's duty is to turn his sons' school green](#)
- [Green wealth in oil palm](#)
- [Energised by the sun](#)
- [Growing e-waste problem](#)
- [Chinese demand for jewellery depletes Japanese corals](#)

**Latest News**

Hannah Yeoh launches biography



Sri Lanka army defied last minute order to keep Rajapaksa in power



Like some 3,800 other padi farmers in the Muda agriculture scheme near Alor Star, Kedah, Baharom's rice fields suffered from "soft soil" – land that is more mud than earth, making rice cultivation and harvesting near-impossible.

The problem got so bad that the 61-year-old farmer was left with little choice – he abandoned his fields in the hope that they would dry out. Most of the 200 farmers in Block 13 of the Muda scheme in Kampung Masjid Tualang, Kubang Badak, did the same, leaving their fields idle during the planting season of August 2012 to March 2013.

The move worked. In April, Baharom could sow his fields again and by October, he harvested over five tonnes of padi from his one hectare of land.

"Previously, it was difficult to get even two tonnes," says the fourth-generation padi farmer as he ploughs his fields for the new planting season. The soil, however, has not fully recovered.



Heavy machinery can no longer be used in fields suffering from soft soil; it will just sink. – Mada

He still could not use heavy machinery to sow his fields, which would have done the job faster. Instead, he would have to use a handheld seeding machine. Nevertheless, he says things are much better now.

"After we closed for one planting season, about three-quarters of the rice fields in Block 13 are better than before and planting resumed."

Baharom points to insufficient drainage canals, which leaves the fields waterlogged, as the cause of the soft soil. While padi grows in wet conditions, there has to be a layer of hardened soil (what farmers call "hard pan") about half a metre deep to support the seedlings and farming machinery. When the fields are constantly soaked, the hard pan does not form.

- Sirisena ally

Blast in market of Nigeria's Maiduguri kills at least 16

France pursues female suspect after deadly sieges



Gunmen kill two soldiers in attack on Ivory Coast border town

starpropertymy  
of the right prices

Design that heals

More Mah Sing projects

Continuing growth

Second chance at blissful living

Move into your dream home today

Property sales seen declining post GST

UM in new growth phase

An advertisement for myStarJob.com. It features a collection of white icons on an orange background, representing various professions and industries: a chef's hat, a nurse's cap, a suit, a hard hat, a graduation cap, a pilot's helmet, a construction worker, a doctor, a teacher, a chef, a soldier, a pilot, a scientist, a farmer, a musician, a dancer, a performer, a chef, a nurse, a doctor, a teacher, a pilot, a scientist, a farmer, a musician, a dancer, a performer. Below the icons, the text reads "Thousands of career prospects await you" and "Find it at myStarJob.com".

Thousands of career prospects await you

Find it at myStarJob.com

ADVERTISEMENT



The Muda area certainly has one of the lowest drainage canal densities among the country's granaries, with 11m of drainage canals per hectare compared with 24m to 48m in the others. Being the pioneer large-scale rice planting scheme in the country, it was established at a time when irrigation know-how was still limited, back in 1970.



Using tracked heavy machinery to plough rice fields might ease the burden of farmers, but it damages the soil.

The lack of drainage, however, is just one of the contributors to the soft soil problem, according to officials of the Muda Agricultural Development Authority (Mada). They say the problem has more to do with the changing weather pattern. The Muda scheme sits in the northern region of Peninsular Malaysia and this area has a distinct dry period from January to March, which is necessary to dry up the fields and restore soil fertility in preparation for the next planting season. The weather, however, has turned unpredictable and this dry season is no longer the norm.

"It was a 'wet drought season' in 2010 and 2011. It was supposed to be dry, but it rained, so the fields were always flooded," says Nasiruddin Abdullah, director of the irrigation and drainage unit in Mada.

"The months of February and March in 2011 received over 400mm of rain and in 2010, over 350mm. Usually, we get only half of that. Previously, the weather was so dry that the soil was all cracked up. During that time, the villagers would flock to the fields to play kites. Now, you don't see that anymore."

In 2012, the dry season was not as wet and this year, things returned to normal. But the two years of extremely wet weather have wrought enough damage. The soft soil poser surfaced in 2011 and just kept worsening.

"Previously, the problem was isolated, one hectare here and there. Then suddenly, we see so many farmers facing this problem," says Nasiruddin.





Without the annual dry season of January to March, rice fields become waterlogged. – Mada

In early 2012, 6,230ha were afflicted. A year later, it expanded by 30% to 8,107ha. This is 8% of Muda's total area of 96,580ha, and the land is owned by some 3,877 farmers. The worst affected farms are in Pendang and Jitra.

"In some areas, the hard pan is already damaged and no longer there. Some farmers cannot plant at all and have stopped cultivating. Some still cultivate but are unsure if they can harvest at the end of the season because machines cannot go into the fields," says Nasiruddin.

One of the affected farmers, Ahmad Din, 58, also notes the change in the weather pattern.

"The dry season is short nowadays, just at the end of February to early March. The dry season is important for farmers as this is when we plough the fields and level the earth."

He, too, stopped cultivating padi on his 4ha of fields for the 2012/2013 planting season, and lost income of about RM16,000.

Nasiruddin notes that while the annual rainfall over Muda remains unchanged at 2,200mm to 2,400mm, the rainfall pattern has.





Seed-sowing machines cannot be used on fields with soft soil. Farmers have to rely on handheld appliances to spread the seeds instead.

"The distribution over the year no longer follows the pattern of previous years," he says. In November 2010, the rain that fell over three days was equivalent to that which normally falls in a month.

October is usually the wettest month but this year, it was very dry for the first two weeks and then it rained everyday, causing floods in Kuala Nerang.

Nasiruddin says flooding, which never occurred in the 1970s and only sporadically throughout the 1980s and 1990s, has grown in frequency since 2000. It has become an annual affair since 2005, affecting riverine flood plains and low-lying areas. In 2010 alone, there were three major floods which damaged over a quarter of the padi fields.

He says land-clearing in upstream developments can exacerbate the flooding but there is no denying the impact of a sudden downpour.

"Last time, 50mm of rainfall would be spread over several hours so we didn't feel the intensity. Now, it is in two hours, so we see the effect."

Rice fields that are constantly saturated have a destructive rippling impact: land preparation and seeding will be impaired; seeding and harvesting machinery cannot be used; and yields will drop. Instead of the average six tonnes per hectare, fields with soft soil can only produce as little as one tonne. Yield from the country's largest granary (Muda makes up a quarter of the total padi-growing land) appears to have been impaired: production has dropped from 956,417 tonnes in 2011 (37.09% of the national total) to 929,070 tonnes (35.7%) in 2012.